PENDAKWA RAYA

lwn.

AMRAN ISMAIL

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
SULEIMAN HASHIM PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47(58)-3-1988]
1 JANUARI 1992

PROSEDUR JENAYAH: *Prima facie kes telah dibuktikan oleh pihak Pendakwa - Samada pembela telah mematahkan anggapan dibawah statut - Kewajipan Mahkamah menimbulkan samaada atas imbangan kebarangkalian keterangan pihak pembela telah mematahkan anggapan di bawah statut - Seksyen 37(da), s. 37(d) ADB 1952.*

Tertuduh dituduh menyalahi peruntukan perenggan (a) subseksyen (1) s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika sabit boleh dihukum dibawah s. 39B(2) Akta yang sama. Pada peringkat pihak Pendakwa menutup kes pihak Pendakwa ada *prima facie* kes "not inherently incredible" terhadap tertuduh saperti dinyata dituduhan. Hakim Yang Arif memanggil tertuduh membela diri, tiga alternatifnya difahamkan kepadanya, tertuduh memilih memberi keterangan secara bersumpah.

Inter alia, Hakim Yang Arif Mahkamah Tinggi menyatakan pemerhatian-pemerhatian berikut sebagai perkara penting dalam perbicaraan jenayah ini. Oleh itu jika keterangan di dalam kes yang tertentu jelas tidak memerlukan sedemikian adalah menjadi kewajipan Mahkamah menimbulkan sama ada atas imbangan kebarangkalian keterangan bagi pihak pembela telah mematahkan anggapan di bawah statut bahawa sitertuduh telah mengedar di bawah s. 37(da) Akta itu sebagai perkara yang berasingan,sungguhpun Mahkamah telah berpuashati atas imbangan kebarangkalian bahawa aggapan milikan dibawah s. 37(d) Akta itu telah tidak dipatahkan.

Di dalam kes ini kegagalan membuat demikian adalah sesuatu salah arahan yang serius dan boleh membatalkan sabitan itu. Hakim yang arif telah bertindak atas sangkaan yang tidak sah, iaitu sebaik sahaja perayu telah gagal mematahkan anggapan di bawah s. 37(d) Akta itu, anggapan dibawah s. 37(da) juga tidak dipatahkan. Atas fakta-fakta didalam kes ini kesilapan dari segi undang-undang itu telah membawa salah laksana keadilan.

Diputuskan:

[1] Keterangan-keterangan pihak pembela pada keseluruhannya adalah kurang manasabah,dengan kegagalan pihak pembela menyoal balas perkara-perkara "crucial" yang tertuduh menimbulkan kemudian yang merupakan "afterthought" dengan tertuduh hanya cuma menafi,"bare denial", beliau tidak membawa beg kertas yang didalamnya berisi ganja saperti dinyata dituduhan,dengan hormatnya satu penafian "without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence".

[2] Iaitu keterangan-keterangan SP1,SP3 dan SP4 dan tidak keraguan yang munasabah yang telah dibangkitkan atau ditimbulkan keatas kes Pendakwa dan juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian dengan hormatnya saya berpendapat P14 ada didalam dan dibawah jagaan (custody) atau kawalan (control).Tertududuh juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian tertuduh tidak mematahkan anggapan memiliki (possession) dan anggapan mengetahui didalam P14 itu ada dadah kanabis saperti dinyata dituduhan di

bawah s.37(d) dan juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian dengan berat kanabis itu melebihi 199 grammes,tertuduh tidak mematahkan anggapan dibawah s. 37(da)(vi) ADB 1952.

[Tertuduh didapati bersalah saperti dinyata dituduhan dan tertuduh adalah disabitkan]

Kes-kes yang dirujuk:
Su Ah Ping lwn. PP [1980] 1 MLJ 75 MP ***(dirujuk)***
Abdullah b. Yaacob lwn. PP [1991] 1 CLJ (Rep) 5 ***(dirujuk)***
Shamsuddin b. Hassan & Anor. lwn. PP [1991] 1 CLJ (Rep) 428 ***(dirujuk)***
PP lwn. Wong Moy [1988] 3 MLJ 280 ***(dirujuk)***
*Haw Tua Tau [1981] CLJ (Rep) 11****(dirujuk)***
Re Pitchimuthu [1970] 2 MLJ 143 ***(dirujuk)***
D.A. Duncan [1980] 2 MLJ 195 ***(dirujuk)***
Abu Bakar b. Sharif [1991] 2 CLJ 26 ***(dirujuk)***
Wahab [1991] 1 MLJ 218 ***(dirujuk)***
Leong Hong Khee [1986] 2 MLJ 206 ***(dirujuk)***
PP lwn. Mohd Ali [1962] 20 MLJ 258 ***(dirujuk)***
Chean Siong Guat lwn. PP [1969] 2 MLJ 63 ***(dirujuk)***
PP lwn. Datuk Harun Idris (No. 2) [1977] 1 MLJ 19 MP ***(dirujuk)***
Pie b. Chin lwn. PP [1985] 1 MLJ 234 ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin lwn. PP [1981] 1 MLJ 212 MA ***(dirujuk)***
PP lwn. Salleh [1983] 2 MLJ 164 ***(dirujuk)***
PP lwn. Ku Lip See [1981] 1 MLJ 258 ***(dirujuk)***
Ling Tee Huah lwn. PP [1982] 2 MLJ 234 ***(dirujuk)***
Mohd Yusof b. Haji Ahmad lwn. PP [1983] 2 MLJ 167 ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi b. Yaakob lwn. PP [1991] 1 CLJ (Rep) 311 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss.37(d), 37(da), 37(da)(vi), 39B (1) (a), (2)

Bagi pihak Pendakwa Raya - Idris bin Harun
Bagi pihak tertuduh - Nik Haizam binti Nik Jaafar (Takiyuddin bin Hj. Hassan bersamanya)

PENGHAKIMAN

Suleiman Hashim PK:

Tertuduh dituduh:

> Bahawa kamu Amran bin Ismail KP. No. 6119711 pada 11 Jun 1987 kira-kira pukul 5.05 petang di hadapan rumah No. 681, Jalan Tepi Sungai, Rantau Panjang, dalam Daerah Pasir Mas dalam Negeri Kelantan, bagi pihak diri kamu sendiri telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu 389.4 gram kanabis dengan menyalahi peruntukan perenggan (a) subseksyen (1) s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pihak Pendakwa ialah pada 11 Jun 1987 jam lebih kurang 3.45 petang bertindak ke atas maklumat dua pasukan Kastam Eksais Di Raja Malaysia, Rantau Panjang, satu diketuai oleh Kamaruddin b. Jaafar (SP1) Penguasa Kastam, dianggotai oleh Johari b. Jalaluddin (SP3) Pegawai Kastam dan Zulkifli b. Awang (SP4) Pegawai Kastam, satu lagi terdiri daripada Saad b. Jais (SP5) Pegawai Kastam, Abdul Rahman b. Said dan Aluwi b. Abdul Ghafa, kedua-duanya juga Pegawai Kastam, setiap pasukan dengan sebuah kereta pergi ke Rantau Panjang, pasukan pertama ke satu setor tempat letak kereta, pasukan kedua ke pengkalan haram Mat Zin, rajah kasar dan kuncinya (P6, P6K).

Pada 11 Jun 1987 jam lebih kurang 5.00 petang mengikut keterangan SP1:

> Pada 11 Jun 1987 jam lebih kurang 5.00 petang saya nampak seorang lelaki datang dari arah pengkalan haram Pak Ya membawa satu beg kertas bersama dengan sehelai jaket hitam di tangan kanan. Lelaki tersebut memegang beg kertas dan jaket hitam diletak di lengan tangan yang sama. Saya mengesyaki lelaki tersebut adalah orang yang dimaklumatkan. Saya memberi isyarat kepada Pegawai Kastam Zulkifli dan Johari dan saya membelok ke kanan menuju ke arah lelaki tersebut.
>
> Pada masa saya nampak lelaki itu pertama kali saya berada di tepi Jalan Tepi Sungai, di kaki lima jalan, Jalan Tepi Sungai.
>
> Orang itu menjalan ke arah saya, menuju ke arah saya.
>
> Saya bergerak ke arah lelaki tersebut.
>
> Apabila hampir lebih kurang dua ela lelaki tersebut berhenti dan mengundurkan diri beberapa langkah dan terus berpusing ke arah pengkalan Pak Ya. Lelaki tersebut terus mencampakkan beg kertas yang dia pegang bersama jaket. Saya terus memegang lelaki tersebut diikuti oleh Pegawai Kastam Johari. Selepas itu Pegawai Kastam Zulkifli tiba dan membantu kerana lelaki tersebut merunda-runda untuk melepaskan diri.
>
> Selepas Pegawai Kastam (P4) Johari, dan Zulkifli memegang lelaki tersebut saya melepaskan lelaki tersebut dan mengambil barang yang dia buang iaitu satu beg kertas dan sehelai jaket di tepi sebelah kanan Jalan Tepi Sungai dengan rumah No. 681.

Lelaki tersebut iaitu ialah tertuduh. Jaket hitam itu ialah P4. Beg kertas itu ialah P14. Di dalam P14 ialah ganja seperti dinyata di tuduhan.

Keterangan SP1 disokong oleh keterangan-keterangan SP3 dan SP4.

Dengan hormatnya keterangan Encik Mohan a/l Gangadharan (SP2) ahli kimia jelas, juga tiada apa-apa terputus, tiada apa-apa jurang di dalam rangkaian keterangan mengenai ganja yang diperolehi oleh SP1 di tempat kejadian dan ganja yang dibawa ke Mahkamah, seperti dinyata di tuduhan, kes *Su Ah Ping lwn. PP* [1980] 1 MLJ 75 MP dibaca bersama dengan kes *Abdullah b. Yaacob lwn. PP* [1991] 1 CLLJ (Rep) 5, juga dengan hormatnya saya ada ambil perhatian kes *Shamsuddin b. Hassan & Yg. Ln. lwn. PP* [1991] 1 CLJ (Rep) 428 mengenai jurang selama lebih sedikit lima jam di kes itu.

Dengan hormatnya daripada soalan-balas saksi-saksi berkenaan pihak Pendakwa nampaknya kes pihak pembela ialah tidak kurang:

(1) ada orang lain di tempat kejadian, imbangan kebarangkaliannya tertuduh salah ditangkap, salah ditangkap sebagai orang yang dikatakan membawa P14.

(2) tertuduh tidak membawa P14.

SP1 ada disoal-balas:

Pemeriksaan balas oleh Nik Haizam

S. Di tempat kejadian mulai lebih kurang 3.45 petang apabila Encik Kamaruddin dan pasukan sampai hingga jam lebih kurang 5.00 petang samada terdapat orang lain yang melalui kawasan tersebut.

J. Ada

S. Berapa orang yang melalui tempat tersebut sebelum tertuduh melalui.

J. Tidak pasti.

S. Adakah En. Kamaruddin melihat tempat tersebut tanpa bergerak ke tempat lain atau hanya melihat tempat tersebut itu sahaja.

J. Saya sentiasa bergerak daripada point yang berwarna cokolat di rajah kasar ke tanda K di rajah kasar.

S. Jadi dalam masa tersebut ada orang lain lalu yang mengakui Encik Kamaruddin tidak nampak.

J. Ya.

SP1 juga ada disoal-balas:

S. Barang kes yang merupakan beg kertas dan yang mengisi daun-daun kering itu tidak dibawa oleh tertuduh.

J. Tidak.

S. Tidak tertuduh mencuba melarikan diri sebagaimana digambarkan oleh Encik Kamaruddin.

J. Ada

Mengenai tertuduh ada atau tidak cuba melarikan diri saya ada menyoal SP1 untuk mendapat penjelasan (clarification),

Mahkamah

J. Semasa soalan utama oleh Y.A TPR, Encik Kamaruddin tidak sebut tertuduh ada cuba melarikan diri, sebut tertuduh "berhenti dan mengundurkan diri beberapa langkah dan terus berpusing ke arah pengkalan Pak Ya. Lelaki tersebut terus mencampakkan beg kertas yang dia pegang bersama jaket ... Semasa soal balas En. Kamaruddin ada kata,

Saya syaki tertuduh ialah orang yang dimaklumkan kerana dia cuba lari apabila melihat saya dan saya dapati dia mencampakkan barang-barang yang dia bawa semasa cuba melarikan diri. Selepas itu ada En. Kamaruddin kata,

S. Adakah beliau mencampakkan barang semasa dia berlari.

J. Belum berlari.

S. Boleh Encik Kamaruddin beri penjelasan?

J. Tertuduh berhenti dan berundur beberapa langkah ke belakang, kemudian dia berpusing ke arah pengkalan Pak Ya, tertuduh mencampakkan barang kemudian cuba lari.

Dengan hormatnya mengenai ujudnya tertuduh daripada mana di tempat kejadian ada percanggahan di antara keterangan SP1 dan keterangan kata Jaafar Siddik b. Abdul Rahman (SP6) Penolong Pengarah Kastam, Pegawai Penyiasat, apa telah dimaklumkan kepada beliau oleh SP1:

(1) kata SP1:

S. Di mana tertuduh semasa awak mula-mula nampak tertuduh.

J. Di atas Jalan Tepi Sungai di jalan masuk pengkalan Pak Ya.

(2) kata SP6, ditanya oleh saya:

Mahkamah

S. Siapa tunjuk kepada En. Jaafar pengkalan yang dinaiki oleh tertuduh.

J. En Kamaruddin (SP1 dicam).

S. Apa kata En. Kamaruddin.

J. En. Kamaruddin berkata, Inilah pengkalan yang dilalui oleh tertuduh.

S. Ada En. Kamaruddin tunjuk mana satu pengkalan.

J. Ya.

S. Mana satu.

J. Pengkalan Pak Ya.

S. Di P6 ada ditanda pengkalan Pak Ya.

J. Ada.

S. Mana satu.

J. Petanda berwarna hijau serta pentunjuknya "Pengkalan Pak Ya".

Dengan hormatnya juga telah dimengeritik oleh pihak pembela ialah rajah kasar dan kuncinya (P6, P6K) yang dilukiskan kelewatan oleh SP6 dengan bantuan SP1 dan lain-lain yang berkenaan, menjadikan dengar cakap (hearsay), dilukiskan pada 16 November 1987, kes *PP lwn. Wong Moy* [1988] 3 MLJ 280.

Dengan hormatnya walaubagaimana pun pada peringkat pihak Pendakwa menutup kes pihak Pendakwa ada "*prima facie*" kes "not inherently incredible" terhadap tertuduh seperti dinyata di tuduhan, kes *Haw Tua Tau lwn. PP* [1981] CLJ (Rep) 11 PC dan kes-kes berikutan, saya memanggil tertuduh membela diri, tiga alternatifnya difahamkan kepadanya, tertuduh memilih memberi keterangan secara bersumpah.

Kata tertuduh pada 11 Jun 1987 jam lebih kurang 11.00 pagi beliau buka kedainya menjual burger di Wakaf Siku, tidak sebut di mana Wakaf Siku itu, pada hari yang sama (11 Jun 1987) jam lebih kurang 1.30 tengah hari Dollah, kawannya datang ke kedainya ajak beliau ke Golok untuk membeli ubat penyakit syphilis, mereka berdua dengan menaiki motosikal tertuduh dipandu oleh Dollah pergi ke Rantau Panjang, sampai Rantau Panjang jam lebih kurang 3.30 petang, motosikal disimpan di sebelah satu lorong, mereka berdua menyeberangi Sungai Golok, ke Golok ke Song iaitu tempat perempuan, pelawaan Dollah beliau ambil perempuan sambil menunggu Dollah balik, Dollah berlepas daripada Song itu balik jam lebih kurang 4.30 petang dan ajak beliau balik dan tertuduh meneruskan,

Dia bagi saya baju jaket.

S. Baju itu kepunyaan siapa.

J. Baju itu kepunyaan saya.

S. Bagaimana hal dia memakainya.

J. Ketika naik motor, tempat burger saya sebelum pergi ke Rantau Panjang.

S. Kenapa dia memakai baju Amran.

J. Kerana dia sejuk, memandu motor.

Selepas dia beri saya baju jaket, dia panggil dua buah motor dan saya naik motor, dia pun naik motor, terus ke pengkalan haram Golok itu, apabila sampai di simpang, saya dan dia berpisah.

Saya pun terus pergi ke pengkalan haram Golok.

Berpisah, motor Dollah iaitu menuju ke sebelah kiri.

Saya sampai ke pengkalan haram Golok orang perahu memanggil-manggil pelanggan untuk menyeberang.

Dan saya pun naik perahu.

Sampai di tengah sungai, Dollah tidak bersama saya, saya mencari-cari Dollah, saya nampak Dollah di pengkalan bawah, di pengkalan lain, lalu tunjuk-tunjuk kepada saya, saya pun terus ke pengkalan haram Rantau Panjang.

Sampai di pengkalan haram Rantau Panjang saya pun terus naik, sampai di tembok iaitu jalan raya, dan saya pun berjalan slow-slow mencari-cari Dollah hendak pergi ke motor saya.

Motor disimpan di celah lorong.

Saya tidak memegang kunci motor tersebut.

Kalau berjalan saya kena tangkap.

S. Sambil berjalan.

J. Sambil berjalan.

Dua orang tangkap saya.

Saya boleh cam mereka.

Tertuduh menafi beliau ada membawa beg kertas (P14) yang di dalamnya berisi ganja seperti dinyata di tuduhan.

Dengan hormatnya saya bersetuju sepenuhnya, penghujahan YA. TPR dan saya turunkan di sini penghujahan itu:

TPR

Hujah seperti menutup kes Pendakwa.

Pembelaan tidak berjaya rebut presumption s. 37(d)(da)(vi) Akta.

Pembelaan hanya satu penafian, mere denial.

Keterangan tertuduh membawa hanya jaket tidak disoal, dikemukakan kepada SP1, SP3, SP4, mereka langsung tidak dicabar, tidak ditanya tertuduh membawa hanya jaket sahaja, tidak membawa beg kertas, perkara ini dibangkit pertama kali apabila tertuduh membela diri, keterangan demikian tidak boleh diterima, merupakan satu element surpise, yang mana SP1, SP3, SP4 tidak diberi peluang untuk mengakui atau menafinya.

- *Wong Swee Chin* [1981] 1 MLJ 212.

- *Re Pitchimuthu* [1970] 2 MLJ 143.

Satu lagi element of suprise ialah yang tertuduh kata beliau nampak Dollah menunjuk-nunjuk dengan tangannya, perkara ini juga tidak ditanya kepada mana-mana saksi Pendakwa.

Saksi-saksi Pendakwa ada kata mereka tidak nampak tertuduh menyeberangi Sungai Golok.

Tidak nampak bagaimana tertuduh boleh "diframe-up" dalam kes ini.

Tertuduh tidak kata Dollah beri beg kertas kepadanya, jika ada ujud Dollah, tertuduh tidak kata beg kertas itu diberi kepadanya dan beliau tidak tahu apa isi kandungannya.

Pembelaan mengenai penganiayaan oleh Dollah tidak munasabah.

Rekaan tertuduh, satu "after thought".

Ada cabaran oleh Pendakwa, cabaran semua keterangan tertuduh. Semasa disoal oleh peguam. Peguam tidak benar, termasuk tidak ujud Dollah,

Complete Denial Not a Defence.

- *D.A. Duncan* [1980] 2 MLJ 195.

Apa-apa percanggahan kes Pendakwaan hanya dari segi detail, kecil, tidak menjejas fakta penting tertuduh dilihat membawa beg kertas yang mengandungi ganja, membuangnya, cuba melarikan diri.

- *Abu Bakar* [1991] 2 CLJ 26.

- *Wahab* [1991] 1 MLJ 218.

Information ialah hearsay, not admissible.

- *Leong Hong Khee* [1986] 2 MLJ 206.

Chain custody of evidence, exhibits.

- *Su Ah Ping* [1980] 1 MLJ 75.

Pembela gagal rebut presumption.

Gagal membangkitan keraguan munasabah ke atas kes Pendakwa.

Dengan hormatnya mengenai tertuduh ada atau tidak cuba melarikan diri, percanggahan keterangan SP1 dan mengenai ujudnya tertuduh daripada mana di tempat kejadian, percanggahan di antara keterangan SP1 dan keterangan kata SP6, apa telah dimaklumkan kepada beliau oleh SP1, mengenai percanggahan untuk panduan saya ialah, mengikut kronoloji (in chronological order),

(1) *PP lwn. Mohd Ali* [1962] 20 MLJ 258.

(2) *Chean Siong Guat lwn. PP* [1969] 2 MLJ 63.

(3) *PP lwn. Datuk Harun Idris* (No. 2) [1977] 1 MLJ 19 MP.

(4) *Pie b. Chin lwn. PP* [1985] 1 MLJ 234.

Dengan hormatnya pada pendapat saya percanggahan-percanggahan itu ialah kecil ("minor"), "in the absence of any element of inherent improbability", kes *Mohd Ali*, "do not detract from the value of the testimony of the witness or witnesses", kes *Chean Siong Guat*, "the question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility", kes *Datuk Harun Idris*, "not so irreconciliable, ambivalent or negational that his whole evidence is to be disregarded", kes *Pie bin Chin.*

Dan dengan hormatnya juga seperti penghujahan YA. TPR:

> Apa-apa percanggahan kes Pendakwa hanya dari segi detail, kecil, tidak menjejas fakta penting tertuduh dilihat membawa beg kertas yang mengandungi ganja, membuangnya, cuba melarikan diri", kes *PP lwn. Wahab b. Abdullah* [1991] 1 MLJ 218 di mana
>
> At most the discrepancy related to a matter of detail and did not affect the essential fact that the accused was seen carrying the incriminating package in his right hand.

Mengenai tertuduh menimbulkan perkara-perkara yang seperti penghujahan YA TPR "tidak pernah disoal, dikemukakan kepada SP1, SP3, SP4 mereka langsung tidak dicabar, tidak ditanya ... perkara ini dibangkit pertama kali apabila tertuduh membela diri ... yang mana SP1, SP3, SP4 tidak diberi peluang untuk mengakui atau menafinya ..." YA TPR merujuk kepada kes *Wong Swee Chin lwn. PP* [1981] 1 MLJ 212 MA, Raja Azlan Shah, CJ Malaya (pada ketika itu) berkata:

> On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony. But as is common with all general rules there are also exceptions as pointed out in the judgment of the Supreme Court of New Zealand in *Transport Ministry v. Gary* ...

Juga di kes *PP v. Salleh* [1983] 2 MLJ 164 kegagalan menyoal balas dan menimbulkan perkara itu kemudian ialah satu "after thought", di kes *Pie b. Chin* (telah dirujuk) kegagalan menyoal balas menghalangkan menimbulkan perkara itu kemudian semasa penghujahan untuk menjadikan perkara itu satu bahan penghujahan untuk menafikan perkara itu semasa penghujahan.

Dan dengan hormatnya tertuduh hanya menafi, "bare-denial", beliau tidak membawa beg kertas (P14) yang di dalamnya berisi ganja seperti dinyata di tuduhan.

Mengenai "bare-denial",

(1) *PP v. Ku Lip See* [1981] 1 MLJ 258 - a mere denial may not succeed.

(2) *Ling Tee Huah v. PP* [1982] 2 MLJ 234 - "a mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient".

Sebelum saya meneliti, menilai, menimbang keterangan-keterangan kes pihak Pendakwa dan keterangan-keterangan kes pihak pembela pada keseluruhannya saya berehat sebentar (pause awhile) dan mengingatkan diri saya kepada, mengikut kronoloji:

(1) Kes *Mohd Yusof b. Haji Ahmad lwn. PP* [1983] 2 MLJ 167, kata Tan Sri Dato' Syed Agil Barakbah J (pada ketika itu)

> the element of truth is required but the element of probability is the main factor so that if the court accepts the defence story as probable even though it is not convinced of the truth, then the defence has succeeded proving to the contrary the presumption that has arisen. In this case the learned President applied the correct test and concluded the alleged threat was improbable.

(2) Kes *Abdullah b. Yaacob lwn. PP* [1991] 1 CLJ (Rep) 5 MA, Tan Sri Dato' Hashim Yeop Abdullah Sani CJ Malaya mengingatkan jangan ketinggalan ambil kira keterangan-keterangan saksi-saksi kes pihak pembela.

(3) Kes *Mohamad Radhi b. Yaakob lwn. PP* [1991] 1 CLJ (Rep) 311 MA, kata Tan Sri Dato' Mohamed Azmi HMA:

(i) Sungguhpun seorang Hakim tidak menerima atau mempercayai huraian orang yang tertuduh, orang tertuduh itu tidak boleh disabitkan sehingga Mahkamah berpuashati atas sebab yang mencukupi bahawa huraian yang diberi itu tidak membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes Pendakwa.

(ii) Apabila pihak Pendakwa bergantung kepada anggapan statutori untuk membuktikan satu atau lebih daripada unsur penting tuduhan itu, beban membukti khusus, dibezakan dari beban membukti am, berpindah kepada pihak pembela untuk mematahkan anggapan-anggapan itu atas imbangan kebarangkalian, yang mana dari segi pihak pembela adalah lebih berat daripada beban menimbulkan keraguan yang munasabah, akan tetapi lebih ringan daripada beban Pendakwa membukti hingga tidak ada keraguan yang munasabah.

(iii) Kecuali jika keterangan di dalam kes yang tertentu jelas tidak memerlukan sedemikian, adalah menjadi kewajipan Mahkamah menimbangkan sama ada atas imbangan kebarangkalian keterangan bagi pihak pembela telah mematahkan anggapan di bawah statut bahawa si tertuduh telah mengedar di bawah s. 37(da) Akta itu sebagai perkara yang berasingan, sungguhpun Mahkamah telah berpuashati atas imbangan

kebarangkalian bahawa anggapan milikan di bawah s. 37(d) Akta itu telah tidak dipatahkan. Di dalam kes ini kegagalan membuat demikian adalah sesuatu salah arahan yang serious dan boleh membatalkan sabitan itu.

(iv) Hakim yang arif telah bertindak atas sangkaan yang tidak sah, iaitu sebaik sahaja perayu telah gagal mematahkan anggapan di bawah s. 37(d) Akta, anggapan di bawah s. 37(da) juga tidak dipatahkan. Atas fakta-fakta di dalam kes ini kesilapan dari segi undang-undang itu telah membawa salah laksana keadilan.

Dengan hormatnya kes di hadapan saya sekarang ini pembelaan tertuduh selepas penelitian, penilaian, penimbangan keterangan-keterangan pihak Pendakwa dan keterangan-keterangan pihak pembela pada keseluruhannya adalah kurang munasabah, dengan kegagalan pihak pembela menyoal balas perkara-perkara "crucial" yang tertuduh menimbulkan kemudian yang merupakan "after thought", dengan tertuduh hanya cuma menafi, "bare-denial", beliau tidak membawa beg kertas (P14) yang di dalamnya berisi ganja seperti dinyata di tuduhan, dengan hormatnya satu penafian "without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence" iaitu keterangan-keterangan SP1, SP3 dan SP4, dan tidak keraguan yang munasabah yang telah dibangkitkan atau ditimbulkan ke atas kes Pendakwa dan juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian dengan hormatnya saya berpendapat P14 ada di dalam dan di bawah jagaan (custody) atau kawalan (control) tertuduh, juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian tertuduh tidak mematahkan anggapan milikan (possession) dan anggapan mengetahui di dalam P14 itu ada dadah kanabis seperti dinyata di tuduhan di bawah s. 37(d) dan juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian dengan berat kanabis itu melebihi 199 grammes, tertuduh tidak mematahkan anggapan di bawah s. 37(da)(vi) Akta Dadah Berbahaya, 1952.

Saya dapati tertuduh bersalah seperti dinyata di tuduhan dan tertuduh adalah disabitkan seperti dinyata di tuduhan.

Also found at [1992] 2 CLJ 787